



**Malaysian
Aviation Commission**
Suruhanjaya Penerbangan Malaysia

Level 19, Menara 1 Sentrum,
201, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur,
Malaysia

T : +60 2772 0600
F : +60 2772 0601

30 April 2018

PEKELILING BERKENAAN PENGEBILAN DAN KUTIPAN CAJ PERKHIDMATAN PENGAWALSELIAAN SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA

Kepada : Syarikat-syarikat penerbangan yang beroperasi di Malaysia, ahli-ahli *Board of Airline Representatives*, ahli-ahli *Airline Operator Committee* dan pengendali-pengendali aerodrom di Malaysia.

Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Caj Perkhidmatan Pengawalseliaan) 2018 ("Peraturan-Peraturan") telah diwartakan pada 23 Mac 2018 dan akan mula berkuat kuasa pada **1 Mei 2018**. Peraturan-Peraturan tersebut antara lain memberi kuasa kepada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia ("**MAVCOM**") untuk mengenakan caj perkhidmatan pengawalseliaan ("**Caj Perkhidmatan Pengawalseliaan**") ke atas setiap penumpang yang berlepas dengan pesawat udara dari mana-mana aerodrom di dalam Malaysia. Peraturan-Peraturan tersebut boleh dirujuk di laman web www.mavcom.my.

MAVCOM telah melantik *International Air Transport Association* ("**IATA**") untuk mengutip Caj Perkhidmatan Pengawalseliaan bagi pihaknya. Kutipan akan dibuat melalui *IATA Settlement Systems*, iaitu *Billing and Settlement Plan* ("**BSP**") dan *IATA Clearing House* ("**ICH**"). Invois pertama bagi bulan Mei 2018 akan dikeluarkan pada bulan Jun 2018.

Proses Pengeluaran Invois

Invois bagi Caj Perkhidmatan Pengawalseliaan akan dikeluarkan pada setiap bulan mengikut format IATA dan invois akan dihantar kepada wakil atau wakil-wakil yang dinamakan oleh setiap syarikat penerbangan. Invois akan dihantar melalui platform *Simplified Invoicing and Settlement* ("**SIS**") IATA.

Bagi ahli-ahli ICH atau syarikat penerbangan yang mempunyai akaun SIS yang aktif, invois akan dihantar kepada akaun SIS masing-masing. Syarikat-syarikat penerbangan yang masih belum mengaktifkan akaun SIS adalah dikehendaki untuk menghantar alamat e-mel pengebilan kepada efs@iata.org bagi tujuan pendaftaran akaun serta penghantaran butiran daftar masuk. Sehingga akaun SIS diaktifkan, penghantaran invois kepada syarikat-syarikat penerbangan yang tidak mempunyai akaun SIS akan dibuat kepada alamat e-mel di dalam rekod sedia ada MAVCOM.

Proses Penyelesaian

Ahli-Ahli BSP

Kutipan Caj Perkhidmatan Pengawalseliaan daripada syarikat-syarikat penerbangan yang merupakan ahli BSP akan dibuat melalui jualan tiket BSP masing-masing dan invois bagi Caj Perkhidmatan Pengawalseliaan akan dikeluarkan dalam Ringgit Malaysia (MYR).

Ahli-Ahli ICH

Kutipan Caj Perkhidmatan Pengawalseliaan daripada syarikat penerbangan yang merupakan ahli ICH tetapi bukan merupakan ahli BSP juga atau syarikat-syarikat penerbangan yang tidak mempunyai dana yang mencukupi di dalam akaun BSP Malaysia mereka, kutipan akan dibuat melalui ICH dan invois bagi Caj Perkhidmatan Pengawalseliaan akan dikeluarkan dalam *United States Dollar* (USD).

Syarikat-Syarikat Penerbangan yang Bukan Merupakan Ahli BSP/ICH

Kutipan Caj Perkhidmatan Pengawalseliaan daripada syarikat-syarikat penerbangan yang bukan merupakan ahli BSP atau pun ICH akan dibuat melalui salah satu cara berikut:

- (i) debit secara terus daripada akaun bank Malaysia bagi syarikat-syarikat penerbangan yang mempunyai akaun bank di Malaysia; atau
- (ii) pembayaran secara terus kepada akaun bank IATA di Malaysia seperti yang dinyatakan di dalam invois melalui *Electronic Funds Transfer* (EFT) bagi syarikat-syarikat penerbangan yang tidak mempunyai bank akaun di Malaysia.

Invois bagi Caj Perkhidmatan Pengawalseliaan akan dikeluarkan dalam Ringgit Malaysia (MYR).

Sila ambil maklum bahawa kegagalan untuk meremit Caj Perkhidmatan Pengawalseliaan kepada MAVCOM merupakan suatu kesalahan menurut Peraturan-Peraturan tersebut dan boleh dihukum dengan denda sehingga lima ratus ribu ringgit.



Sebarang pertanyaan atau penjelasan boleh ditujukan kepada:

En. Wizan Wan Nawang
Pengarah, Jabatan Kewangan & Perkhidmatan Korporat
E-mel: finance@mavcom.my
Tel: +603 2772 0635

untuk perhatian: En. Abdul Kadir Mohamed Abd Salam

SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA

A handwritten signature in black ink, appearing to read "A. Ahmad", is placed over a light grey rectangular background.

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Abdullah Ahmad TUDM (B)
Pengerusi Eksekutif